



KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
3 JAMADIL AKHIR 1439H/ 19 FEBRUARI 2017

IMIGRESEN GEMPUR PATI DALAM OPS MEGA 2.0

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah melancarkan Ops Mega 2.0 secara serentak di seluruh negara setelah berakhirnya tempoh sahlaku E-Kad sementara pekerja asing untuk proses mendapatkan dokumen bagi proses penggajian semula PATI pada 15 Februari 2018.

Ops Mega 2.0 yang dijalankan oleh JIM Putrajaya diketuai sendiri oleh Dato' Seri Haji Mustafar bin Haji Ali Ketua Pengarah Imigresen Malaysia bersama dengan 43 orang pegawai dijalankan di sekitar Banting dan Dengkil telah berjaya menahan seramai 62 orang. Operasi yang sama juga digerakkan serentak di seluruh negara bermula jam 1.00 pagi 19 Februari 2018.

Operasi fasa pertama telah dijalankan di penempatan rumah kongsi di kawasan perlombongan pasir dan tanah liat yang terletak di Olak Lempit, Banting, Selangor. Pemeriksaan dijalankan berdasarkan aduan awam dan risikan Imigresen tentang kehadiran warga asing yang disyaki tidak mempunyai permit atau dokumen yang sah. Seramai 18 orang telah diperiksa dan hasilnya JIM telah berjaya menahan seramai 15 orang yang terdiri daripada 8 orang lelaki India dan 3 orang lelaki Indonesia serta 4 orang wanita warganegara Indonesia kerana tinggal secara haram dan tidak mempunyai pas atau dokumen yang sah.

Operasi fasa seterusnya dijalankan dilokasi kedua iaitu kawasan penempatan pekerja yang terletak di Dengkil, Selangor. Seramai 214 orang telah diperiksa dan hasilnya JIM telah berjaya menahan seramai 47 orang iaitu 25 orang lelaki Bangladesh dan 19 lelaki Indonesia serta 3 orang wanita warganegara Indonesia.

Sebanyak 3 notis untuk hadir member keterangan telah dikeluarkan ke atas pekerja bagi membantu siasatan lanjut untuk kedua-dua fasa operasi.

Antara kesalahan yang dikenalpasti ialah tiada dokumen pengenalan diri, tinggal lebih masa, dan lain-lain kesalahan yang melanggar Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Operasi tamat pada jam 3.30 pagi dan kesemua tahanan bagi kedua-dua operasi akan ditempatkan di Depoh Tahanan Imigresen Lenggeng Negeri Sembilan untuk tujuan siasatan dan tindakan.

JIM telah mengambil pelbagai langkah bagi memperjelaskan usaha yang dilakukan, serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh majikan dan pekerja selepas tamat tempoh pendaftaran E-Kad. Ini juga termasuk tindakan *pro-aktif* mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan pihak Kedutaan bagi urusan pengeluaran dokumen perjalanan. Pasukan Petugas Khas (*Task Force*) di semua pejabat JIM di Semenanjung Malaysia juga ditubuhkan bagi memastikan kelancaran proses Program Penggajian dan Penempatan Semula Pemandang Asing Tanpa Izin (PATI) (Program *Rehiring*) .

Bagi majikan yang gagal mendaftar pekerja asing mereka, JIM juga telah menggesa mereka menghantar pulang pekerja asing melalui Program Serah Diri secara Sukarela (Program 3+1) bagi mengelakkan risiko dikenakan tindakan undang-undang termasuk pendakwaan.

Sepanjang Ops Mega 2.0 yang dijalankan secara serentak diseluruh Negara bermula 1.00 pagi sehingga jam 4.00 petang ini, JIM telah berjaya memeriksa seramai 1,725 orang dan menahan seramai 604 PATI serta 6 majikan.

#TAMAT#

DATO' SERI HAJI MUSTAFAR BIN HAJI ALI
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA